

## KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA TERJEMAH, TAFSIR DAN TAKWIL DALAM AL-QURAN

DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL MANAF  
firdaus@kuis.edu.my

DR. MD. NOOR HUSSIN  
mdnoor@kuis.edu.my

ZAKI AHMAD  
zakiahmad@kuis.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Perbezaan antara terjemah, tafsir dan takwil dalam al-Quran kebiasaannya tidak dapat difahami dengan jelas. Justeru, makalah ini menyediakan satu kajian dalam memberikan tumpuan kepada perbandingan terhadap ketiga-tiga istilah tersebut. Objektif kajian ialah meneliti definisi setiap istilah tersebut, persamaan, perbezaan dan melihat sejauh mana limitasi huraian terhadap perbincangan antara ketiga-tiganya istilah tersebut dalam al-Quran diperolehi. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengumpulkan data yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah 'comparative' atau perbandingan. Dapatan kajian ini membolehkan para pengkaji memahami dengan teliti berkaitan perbandingan antara terjemah, tafsir dan takwil berdasarkan beberapa contoh dalam al-Quran.*

**Kata Kunci:** Terjemah, tafsir, takwil, harfiah, bahasa, istilah

### 1.0 PENGENALAN

Al-Fayruz al-Abadi (1997: 2/1428), Ibn Faris (1998: 837), Ibn al-Manzur (2000: 1/194 & 5/555) dan *Kamus al-Miftah* (2008: 401 & 454) menjelaskan bahawa perkataan terjemah, tafsir dan takwil mempunyai maksud yang seakan-akan sama iaitu penerangan, penjelasan dan penghuraian terhadap sesuatu maklumat. Namun sebenarnya, terdapat perbezaan antara ketiga-tiga perkataan ini. Kajian ringkas dilaksanakan bagi menjelaskan ketiga-tiga istilah tersebut daripada sudut bahasa dan istilah. Setelah itu, satu kajian perbandingan dilakukan bagi menerangkan perbezaan antara ketiga-tiga perkataan tersebut.

### 2.0 MAKSUD TERJEMAH

i. Daripada sudut bahasa

Mohd Bakri Aziz (2010: 37) dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2012: 2) menyebut bahawa perkataan terjemah ini diambil daripada bahasa proto-semitik Arab iaitu *al-tarjamah* yang bermaksud mentafsirkan perkataan lisan atau tulisan dengan menggunakan perkataan dalam bahasa lain. Al-Fayruz Abadi (1997: 2/1428) menerangkan bahawa perkataan *al-tarjamah* ini diertikan sebagai penerangan, pentafsiran dan penjelasan. *Kamus 'al-Miftah'* (2008: 454) pula menyebut bahawa ia membawa maksud pemindahan maklumat yang sama daripada satu bahasa

kepada bahasa yang lain. Dalam buku '*Mu<sup>c</sup>jam al-Mustalahat al-<sup>c</sup>Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*', perkataan ini ditakrifkan sebagai penulisan semula sesuatu perkara atau topik dengan bahasa yang bukan bahasa asalnya (1984: 94).

Kata 'terjemah' merupakan sebahagian daripada bahasa Melayu yang bermaksud membuat kerja-kerja terjemahan atau pindahan daripada satu bahasa kepada bahasa lain (*Kamus Dewan* 2016: 1670). Ia juga diertikan dengan mengalihbahasakan, mengalih suarakan, mentafsir dan menginterpretasi antara dua bahasa (*Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* 1998: 1081). Muhammad Nur Lubis Abd Razak (2003: 149) menyebut bahawa daripada kata 'terjemah' ini, terbitlah beberapa perkataan lain seperti menterjemah, menterjemahkan, terjemahan dan penterjemahan. Menterjemah bermakna membuat kerja-kerja menterjemah. Menterjemahkan pula bermaksud mengalihbahasakan atau mentafsirkan. Terjemahan ialah hasil daripada apa yang diterjemahkan dan penterjemahan pula bermaksud perihal kerja, proses dalam menterjemahkan sesuatu. Perkataan terjemahan dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai '*translation*' (*Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* 2008: 431). Ia sebenarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu '*translatio*' yang membawa maksud '*to carry across*' atau '*to bring across*' (Puteri Rosalina Abdul Wahid 2012: 2).

ii. Daripada sudut istilah

Safa Khalusi (1982: 53) menjelaskan bahawa *al-tarjamah* ialah satu aktiviti pemindahan perkataan, makna dan gaya daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Ia mestilah dilakukan secara berseni supaya nilai keindahan bahasa dan mesejnya dapat difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Menurut Muhammad Arsyad Abdul Majid (2009: 67), penterjemahan ialah mengalih satu bahasa kepada bahasa lain. Pengalihan ini melibatkan mesej teks bahasa sumber, gaya bahasa dan tindak balas yang sama daripada pembaca bahasa sasaran. Maheram Ahmad (2008: 114) menyebut bahawa ia adalah satu proses kreatif dalam pemindahan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang semantik serta stilistik secara berseni supaya bahasanya indah dan mesejnya difahami. Puteri Roslina Abdul Wahid (2012: 1) pula mendefinisikan terjemahan sebagai satu aktiviti mentafsir sesuatu teks dan menghasilkan semula teks tersebut dalam bahasa lain. Ia bertujuan menghasilkan satu karya iaitu teks bahasa sasaran yang membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing iaitu teks bahasa sumber.

Catford (1996: 24) menjelaskan makna terjemahan sebagai satu proses penggantian bahan teks dalam satu bahasa iaitu bahasa sumber dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain iaitu bahasa sasaran. Nida (1964: 159) pula berpendapat bahawa terjemahan ialah '*A translation of dynamic equivalence aim at complete naturalness of expression and tries to relate the receptor to modes of behaviour relevant within the context of his own culture*'. Definisi terjemahan tersebut dijelaskan oleh Abdullah Hasan dan Aionon Muhammad (2001: 71) sebagai penyalinan semula ke dalam bahasa sasaran daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama daripada segi maknanya dan kedua daripada segi gayanya. Terjemahan yang dihasilkan mestilah mempunyai persamaan terdekat yang sejadi. Persamaan terdekat bermaksud makna yang dihasilkan adalah sama antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran dan sejadi pula bermaksud makna yang dipindahkan mestilah natural dalam bahasa sasarannya.

Savory (1968: 43) menghuraikan maksud terjemahan dengan tiga perkara. Pertama, terjemahan mestilah memberikan idea dan perkataan yang sama pada teks bahasa sumber ke dalam teks bahasa sasaran. Kedua, terjemahan mestilah dirasai sebagai karya asal dan bukannya karya terjemahan. Ketiga, terjemahan mestilah mempunyai gaya terjemahannya yang baik. Finlay (1971: 22) mendefinisikannya pula sebagai persembahan satu teks kepada bahasa lain daripada bahasa lain. Dosert (1979: 57) mentakrifkan terjemahan sebagai pemindahan makna daripada satu set pola simbol kepada satu set pola simbol yang lain. Dubois (1972: 51) mengatakan bahawa terjemahan ialah ekspresi dalam bahasa sasaran tentang apa yang telah diperlihatkan dalam bahasa sumber dengan memelihara persamaan semantik dan stilistik. Brislin (1976: 40) menjelaskan terjemahan sebagai istilah umum bagi merujuk kepada pemindahan pemikiran dan idea daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Menurut Van Slype (1983: 17), terjemahan ialah satu proses penggantian teks bertulis dalam bahasa sumber dengan bahasa sasaran dan mengambil kira persamaan makna semaksimum mungkin. De Jean Le Feal (1987: 39) pula berpendapat bahawa terjemahan membawa maksud memahami makna teks penulis asal dan mengatakan semula dalam bahasa lain dengan cara yang sama akan dinyatakan oleh penulis tersebut sekiranya dia penutur bahasa sasaran karya yang diterjemah itu. Bell (1991: 3) menyebut terjemahan sebagai '*replacement*' atau penggantian iaitu penggantian representasi teks dalam bahasa sumber ke dalam representasi teks dalam bahasa sasaran. Larson dan Mildred (1998: 29) melihat terjemahan sebagai proses pemindahan makna bagi teks asal yang mungkin berbeza ke dalam bahasa kedua.

Venuti (1995: 17) mendefinisikan terjemahan sebagai satu proses membentuk teks bahasa sasaran daripada teks bahasa sumber yang diberikan oleh seseorang penterjemah berasaskan kekuatan interpretasi masing-masing. Menurut Taber (1982: 12) pula, penterjemahan merupakan satu proses mencari padanan terjemahan yang paling sejadi dengan teks bahasa sumber berdasarkan makna dan gayanya ke dalam teks bahasa sasaran. Roger Bell (1991: 5) menyebut bahawa terjemahan ialah mengungkapkan semula maklumat bahasa sumber ke dalam bahasa lain dengan memelihara padanan yang semantik dan stilistik antara kedua-duanya. Levy (1967: 39) pula menambah bahawa proses ini memerlukan daya kreativiti yang tersendiri dalam mencari padanan terjemah yang paling sesuai. Lefevere (1992: 11) melihat terjemahan sebagai satu proses terjemahan bahasa antara dua budaya yang berbeza-beza. Justeru, Tytler (1790: 24) mengatakan bahawa terjemahan sepatutnya memberikan gambaran yang jelas tentang idea karya asal dalam bahasa sumber dalam bentuk paling bersahaja dalam bahasa sasaran.

Kesimpulannya, maksud terjemahan yang dikemukakan oleh ahli bahasa sebelum ini terlalu banyak dan berbeza-beza kerana mereka mempunyai sudut pandangan yang pelbagai dalam memahami konteks terjemahan sama ada daripada segi proses, teknik dan hasil. Namun kesimpulannya, terjemahan satu proses seni dalam memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang paling sejadi antara keduanya supaya hasilnya tepat dan boleh difahami. Justeru dalam konteks terjemahan al-Quran, terdapat dua definisi terjemahan tersebut. Pertama, memindahkan perkataan yang terdapat dalam al-Quran ke dalam bahasa sasaran tanpa memberikan penjelasan dengan tidak membuat sebarang perubahan pada makna asalnya. Kedua, memindahkan perkataan yang terdapat dalam al-Quran

ke dalam bahasa sasaran serta mentafsirkannya supaya tidak terikat dengan susunan dan tatabahasa perkataan bahasa sumber supaya makna yang dikehendaki tercapai.

### 3.0 MAKSUD TAFSIR

#### i. Daripada sudut bahasa

Al-Suyuti (1991: 38) menyebut bahawa tafsir ialah *masdar* atau kata terbitan di atas *wazn taf'fil* (تَفْعِيل) yang berasal daripada perkataan *fassara* (فَسَّرَ) dan bermaksud menerangkan atau menyatakan sesuatu. Al-Zarqani (1988: 3) pula mendefinisikan terjemahan sebagai penjelasan atau penerangan terhadap sesuatu. Ini dikuatkan lagi oleh Ibn Faris (1998: 837) dan Ibn al-Manzur (2000: 180) yang menjelaskan perkataan tafsir ini dengan maksud penjelasan terhadap sesuatu maklumat yang sedia ada supaya ia mudah difahami (2000: 5/55). Bahkan keterangan ini ditambah lagi oleh al-Raghib al-Asfahani (1999: 636) yang menyatakan bahawa tafsir itu ialah menjelaskan sesuatu maklumat yang samar-samar. Al-Zarkashi (1988: 13) mendefinisikan tafsir sebagai bahasa yang dirujuk kepada makna 'menimbulkan dan menyatakan'. Al-Jurjani (1989: 55) pula menyebut bahawa tafsir pada dasarnya membawa maksud 'menyingkap dan menimbulkan'. 'KD' (2016: 1566) mendefinisikan tafsir sebagai keterangan, penjelasan, ulasan dan kupasan terhadap sesuatu.

#### ii. Daripada sudut istilah

Salah 'Abd al-Fattah (2002: 23) mengemukakan pandangan Abu al-Baqā' al-Kafawi terhadap definisi tafsir sebagai pengulangan kata-kata menggunakan perkataan lain yang lebih mudah difahami. Menurut Ibn Hayyan (1992: 13), tafsir ialah ilmu yang membahaskan tentang cara menuturkan lafaz-lafaz al-Quran, membahaskan petunjuk-petunjuknya dan hukum-hakamnya sama ada secara bersendirian atau pun secara berkelompok. Al-Zarkashi (1988: 13) pula menyebut bahawa tafsir ialah ilmu untuk memahami al-Quran yang mengandungi keterangan makna, hukum-hakam dan hikmah. Al-Zarqani (1988: 3) menjelaskan tafsir sebagai satu disiplin ilmu yang membincangkan mengenai petunjuk al-Quran sesuai dengan kadar upaya manusia. Al-Jurjani (1989: 55) menyebut bahawa tafsir ialah penjelasan makna ayat, keadaannya, sebab-sebab turunnya melalui lafaz yang ditunjukkan oleh *dilalah* yang *zahir*. Menurut al-Kilbi (t.t: 11) pula, tafsir ialah mensyarahkan al-Quran, menerangkan maknanya dan menjelaskan apa yang dikehendaki oleh firman Allah. Kesimpulannya, tafsir mempunyai definisi yang berbeza-beza, walau pun ia membawa maksud yang sama iaitu satu disiplin ilmu yang membincangkan mengenai cara-cara memahami makna al-Quran pada maksudnya yang sebenar melalui kaedah-kaedah yang dipersetujui oleh para ulama.

### 4.0 MAKSUD TAKWIL

#### i. Daripada sudut bahasa

Al-Zarkashi (1988: 13) menjelaskan bahawa takwil berasal daripada kata '*al-awl*' yang bermaksud *al-ruju'* iaitu kembali. Al-Fayruz al-Abadi (1994: 331) pula menambah definisi 'kembali' tersebut dengan maksud kembali ke belakang dan mundur daripada makna *zahir*. *Kamus 'al-Miftah'* (2008: 401) menjelaskan maksudnya sebagai pentafsiran, penghuraian dan pencerahan terhadap sesuatu. Ibn al-Manzur (2000: 1/194) menyebut bahawa perkataan takwil ini membawa maksud pentafsiran yang berlainan terhadap terjemahan sesuatu susunan perkataan atau ayat yang asal. Salah 'Abd al-Fattah (2002: 26) pula menyebut bahawa takwil itu ialah penghuraian terhadap maksud tersirat yang dikehendaki dalam sesuatu susunan perkataan.

Menurut al-Suyuti (1991: 38), makna takwil seakan-akan memalingkan makna zahir ayat kepada makna-makna tersirat yang lain. 'KD' (2016: 1579) mendefinisikannya pula sebagai keterangan, penjelasan, takbir dan tafsir yang lebih mendalam mengenai sesuatu.

ii. Daripada sudut istilah

Ibn Jarir al-Tabari (1984: 19) menerangkan maksud takwil sebagai mentafsirkan perkataan dan menjelaskan pengertian maknanya sama ada ia bersesuaian dengan zahir ayat atau pun bertentangan. Menurut al-Dhahabi, takwil ialah maksud sebenar bagi sesuatu perkataan itu sendiri. Manna<sup>c</sup> al-Qattan (1990: 33) berpendapat bahawa takwil ialah memalingkan lafaz daripada makna pertama kepada makna kedua iaitu makna yang paling dikehendaki maksudnya berdasarkan konteks ayat dengan dalil atau bukti yang menyertainya. Kesimpulannya, takwil ialah memalingkan kesamaran zahir sesuatu ayat yang kepada maksudnya yang bersesuaian dengan konteks makna yang dikehendaki.

## 5.0 PERBANDINGAN ANTARA TERJEMAH, TAFSIR DENGAN TAKWIL AL-QURAN

Jika dilihat berdasarkan konteks ayat-ayat al-Quran, penterjemahan ialah satu proses pemindahan perkataan, makna dan gayanya daripada bahasa Arab ke dalam mana-mana bahasa sasaran. Penafsiran pula ialah satu proses penjelasan dan penghuraian terhadap hasil makna terjemahan sebelum ini. Setiap terjemahan mempunyai maksud yang tersurat serta tersirat dan tafsir lebih merujuk kepada penghuraian terhadap maksud terjemahan yang tersurat. Manakala takwil ialah satu proses penjelasan dan penghuraian 'tersirat' terhadap hasil makna terjemahan dan tafsiran yang sedia ada (Salah<sup>c</sup> Abd al-Fattah 2002: 26-29). Al-Raghib al-Asfahani (1981: 47-49) menyebut bahawa tafsir itu lebih umum daripada takwil. Tafsir ialah huraian terhadap sesuatu susunan perkataan, sedangkan takwil itu ialah huraian terhadap sesuatu susunan ayat. Salah<sup>c</sup> Abd al-Fattah (2002: 27-29) menyenaraikan beberapa perbandingan antara tafsir dan takwil seperti keterangan berikut:

- i. Abu Mansur al-Maturidi menyebut bahawa tafsir itu ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang disepakati oleh para ulama. Manakala takwil itu ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang tidak disepakati oleh para ulamanya.
- ii. Abu Talib al-Tha<sup>c</sup>alabi menjelaskan bahawa tafsir itu ialah penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersurat. Sedangkan takwil itu ialah penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersirat.
- iii. Al-Baghawi dan al-Kawashi pula menyebut bahawa tafsir itu ialah penjelasan terhadap makna zahir ayat-ayat al-Quran semata-mata. Manakala takwil itu ialah penjelasan yang melangkaui makna zahir tersebut kepada maksud yang lain.
- iv. Al-Alusi menyatakan bahawa tafsir itu ialah penghuraian terhadap makna yang hampir dengan sesuatu ayat, sedangkan takwil itu ialah penghuraian terhadap makna yang jauh dengan sesuatu ayat berdasarkan penelitian yang mendalam terhadapnya.

Jadual 1 merupakan ringkasan terhadap perbandingan antara tafsir dan takwil sebelum ini seperti berikut:

Jadual 1 Perbandingan antara tafsir dan takwil

| Bil. | Tokoh                               | Tafsir  | Takwil  |
|------|-------------------------------------|---|---|
| 1.   | Abu Mansur al-Maturidi              | Berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang disepakati oleh para ulama tafsir. | Berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang tidak disepakati oleh para ulama tafsir. |
| 2.   | Abu Talib al-Tha <sup>c</sup> alabi | Penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersurat.        | Penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersirat.              |
| 3.   | Al-Baghawi dan al-Kawashi           | Tumpuan kepada makna zahir ayat-ayat al-Quran semata-mata.                  | Melangkau makna zahir ayat kepada maksud lain.                                    |
| 4.   | Al-Alusi                            | Penghuraian terhadap makna yang hampir dengan sesuatu ayat.                 | Penghuraian terhadap makna yang jauh dengan sesuatu ayat.                         |

Berdasarkan huraian terhadap maksud terjemah, tafsir dan takwil sebelum ini, berikut dinyatakan bentuk-bentuk perbandingan antara ketiga-tiganya melalui firman Allah S.W.T dalam surah al-Nasr berikut (110: 1):

﴿ إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴾

i. Terjemahan :

Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan (*THQK* 2013: 603).

ii. Tafsir :

Apabila Allah membantumu wahai Muhammad dengan memberikan ‘pertolongan’ untuk menewaskan orang-orang kafir Quraisy dan memberikan ‘kemenangan’ untuk kembali menguasai Kota Mekah (*Syaamil al-Quran* 2009: 1203).

iii. Takwil :

Ibn <sup>c</sup>Abbas menyebut bahawa ayat ini merupakan sebahagian daripada tanda tibanya hari kewafatan Nabi S.A.W. Hal ini kerana apabila Islam sudah mendapat kemenangan, bererti agama ini sudah sempurna. Apabila agama ini sudah sempurna, bererti tugas Rasulullah S.A.W akan selesai. Apabila tugas baginda S.A.W selesai, bererti baginda S.A.W akan kembali mengadap Allah S.W.T iaitu wafat (Salah <sup>c</sup>Abd al-Fatah 2002: 32-33). Takwil ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn <sup>c</sup>Abbas seperti berikut:

كَانَ عُمَرُ يُدْخِلُنِي مَعَ أَشْيَاحِ بَدْرٍ، فَكَأَنَّ بَعْضَهُمْ وَجَدَ فِي نَفْسِهِ، فَقَالَ: لِمَا تُدْخِلُ  
 هَذَا مَعَنَا وَلَنَا أَبْنَاءُ مِثْلِهِ؟ فَقَالَ عُمَرُ: إِنَّهُ مِنْ حَيْثُ عَلِمْتُمْ، فَدَعَا ذَاتَ يَوْمٍ فَأَدْخَلَهُ

مَعَهُمْ، فَمَا رَأَيْتُ أَنَّهُ دَعَانِي يَوْمَئِذٍ إِلَّا لِيُرِيَهُمْ، قَالَ: مَا تَقُولُونَ فِي قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى:  
﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ﴾؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: أُمِرْنَا أَنْ نَحْمَدَ اللَّهَ وَنَسْتَغْفِرَهُ إِذَا  
نُصِرْنَا وَفُتِحَ عَلَيْنَا، وَسَكَتَ بَعْضُهُمْ فَلَمْ يَقُلْ شَيْئًا، فَقَالَ لِي: أَكَذَلِكَ تَقُولُ يَا ابْنَ  
عَبَّاسٍ؟ فَقُلْتُ: لَا. قَالَ: فَمَا تَقُولُ؟ قُلْتُ: هُوَ أَجَلُ رَسُولِ اللَّهِ، أَعَلِمَهُ لَهُ، قَالَ:  
﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ﴾ وَذَلِكَ عَلَامَةٌ أَجَلِكَ ﴿فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ  
إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا﴾ فَقَالَ عُمَرُ: مَا أَعْلَمُ مِنْهَا إِلَّا مَا تَقُولُ.

(Sahih al-Bukhari 2008: 1280)

Teks terjemahan:

Umar al-Khattab R.A pernah membawaku duduk bermuzakarah dengan panglima-panglima dalam 'Peperangan Badr' yang lalu. Sebahagian mereka kehairanan lalu bertanya, kenapa engkau membawanya duduk bersama-sama dengan kami? Umurnya sebaya dengan anak-anak kecil kami yang lain. Umar pun menjawab, Bukankah kamu sudah tahu ketinggian ilmunya? Kemudian Umar membawaku sekali lagi pada hari yang lain. Aku menyangka pada kali itu beliau ingin menunjukkan keistimewaan yang aku miliki tersebut. Lalu Umar berkata kepada mereka, apa tafsiran kamu semua terhadap firman Allah yang berbunyi: ﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ﴾. Sebahagian mereka menjawab, kami diperintahkan oleh Allah untuk memanjatkan kesyukuran dan memohon keampunan kepadaNya apabila tiba hari kemenangan yang dijanjikan olehNya itu. Sebahagian yang lain pula senyap, lalu Umar bertanya kepadaku, Begitukah juga pandanganmu wahai Ibn Abbas? Aku menjawab, Tidak. Justeru apa pendapatmu? Kata Umar. Aku berkata, itu sebenarnya sebahagian tanda bahawa Nabi S.A.W akan wafat tidak lama lagi'.

## 6.0 KESIMPULAN

Terjemahan ialah satu proses seni dalam memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang paling sejadi antara keduanya supaya hasilnya tepat dan boleh difahami. Selain terjemahan, terdapat dua istilah lain yang hampir sama dengannya iaitu tafsir dan takwil. Tafsir ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran yang tersurat berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang disepakati oleh para ulama, manakala takwil ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran yang tersirat berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang tidak disepakati oleh mereka.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim.*

Abdullah Hasan dan Ainon Muhammad. 2001. *Teori dan Teknik Terjemahan.* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

al-Asfahani, al-Husayn Muhammad. 1999. *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an.* Beirut: Dar al-Fikr.

Bell, Roger T. 1991. *Translation and Translating; Theory and Practise.* London: Longman.

- Brislin, Ricard W. 1976. *Application and Research*. New York: Gardner Press.
- Catford, J.C. 1969. *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press.
- Catford, J.C. 1996. *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. Terj. Uma A/P Iyavoo & Koh Chung Gaik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dejean Le Feal, Karla. 1987. *L'enseignement des Methodes d'Interpretation*. Ottawa: Editions De l'universite d'Ottawa.
- Dosert. 1979. *Teaching Translation and Interpreting*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Dubois J. 1972. *Dictionnaire de Linguistique*. Montreal: Linguathec.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad. 1998. *Mu<sup>c</sup>jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi.
- al-Fayruzabadi. 1997. *Qamus al-Muhit*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Finlay, Lan F. 1971. *Translating*. London: St Paul's House.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Mukram. 2000. *Lisan al-<sup>c</sup>Arab*. Beirut: Dār Sādir.
- al-Jurjani, Abu Bakr <sup>c</sup>Abd al-Qahir <sup>c</sup>Abd al-Rahman Muhammad. 1989. *Dala'il al-f'jaz*. Kaherah: Matba<sup>c</sup>at al-Madani.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Keempat*. 2008. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Khalusi Safa. 1982. *Fan al-Tarjamah*. Baghdad: Dar al-Hurriyyah li al-Tiba<sup>c</sup>ah.
- al-Khalidi, Salah <sup>c</sup>Abd al-Fattah. 2002. *Ta<sup>c</sup>rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin*. Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Kilbi, Muhammad Ahmad Juzai. T.th. *Al-Tashil li <sup>c</sup>Ulum al-Tanzil*. Beirut: Dar al-<sup>c</sup>Arabiyyah.
- Larson, Mildred. 1988. *Penerjemahan Berdasarkan Makna: Pedoman Untuk Pepadanan Antarbahasa*. Jakarta: Penerbit ARCAN.
- Larson, Mildred. 1998. *Meaning-Based Translation; A Guide to Cross-Language Equivalence*. England: University Press of America.
- Lefevre, Andre. 1992. *Translation, History & Culture*. London & New York: Routledge.
- Lefevre, Andre. 1992. *Translating Literature; Practice and Theory in a Comparative Literature Context*. New York: The Modern Language Association of America.
- Levy. 1967. *Translation As a Decision Process*. The Hague: Mouton.
- Maheram Ahmad. 1997. *Terjemahan Arab-Melayu Dalam Teks-teks Melayu Lama; Satu Kajian Dari Sudut Terjemahan*. Disertasi Sar. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maheram Ahmad. 2008. *Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastra*. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.
- Mohd Bakri Aziz @ Saari. 2010. *Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab Dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan*. Disertasi Sar. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Arsyad Abdul Majid. 2009. *Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah al-Baqarah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad. 1998. *Penerjemahan Arab Melayu Arab; Peraturan & Dasar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis, Sabariah Abdullah, Roshidah Abdul Salam & Nurul Huda Hasan. 2007. *Frasa Idiomatik Arab & Ertinya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.



- Nida, Eugene A. 1964. *Toward A Science of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2003. Aspek Linguistik Dalam Penterjemahan. *Jurnal Dewan Bahasa*. September: 12-14.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2003. Emosi Dalam Terjemahan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember: 40-47.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2006. Penterjemah Professional. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember: 36-39.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qattan, Manna<sup>c</sup> Khalil. 1989. *Mabahith fi <sup>c</sup>Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Raghib al-Asfahani. 1981. *Jami<sup>c</sup> al-Tafasir*. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- al-Raghib al-Asfahani. 1999. *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- Savory, Theodore. 1968. *The Art of Translation*. London: Prentice Hall.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 1991. *Al-Itqan fi <sup>c</sup>Ulum al-Qur'an*. Beirut: Al-Maktabah al-<sup>c</sup>Asriyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. T.th. *Al-Bahjah al-Mardiyyah fi Sharh Matn al-Alfiyyah fi al-Sarf wa al-Nahw*. Mesir: Dar al-Matba<sup>c</sup>ah al-Mahmudiyyah al-Tijariyyah.
- Syaamil al-Qur'an The Miracle*. 2009. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema.
- Taber. 1982. *Translation's Studies*. London & New York: Routledge.
- Tytler, Alexander Fraser. 1978. *Essays on The Principles of Translation*. Amsterdam: John Benjamins.
- Van Slype, Guinet, Seitz & Benejam. 1983. *Better Translation for Better Communication*. London: Pergamon Press.
- Venuti, Lawrence. 1995. *The Translator's Invisibility; A History of Translation*. New York: Routledge.
- Venuti, Lawrence. 2000. *The Translation Studies Reader*. New York: Routledge.
- al-Zarkashi. 1988. *Al-Burhan fi <sup>c</sup>Ulum al-Quran*. Kaherah: al-Matba<sup>c</sup>ah al-Misriyyah.
- al-Zarqani, Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Azim. 1995. *Manahil al-<sup>c</sup>Irfan fi <sup>c</sup>Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kitab al-<sup>c</sup>Arabiyyah.